

NO. SOALAN: 22

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
[SANDAKAN]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9403

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan bilangan kanak-kanak yang tidak mempunyai kewarganegaraan (*stateless children*) di negeri Sabah dan langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini di negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak menyimpan rekod bagi kanak-kanak yang tiada taraf kewarganegaraan (*stateless children*) atau kanak-kanak yang tiada dokumen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, istilah *stateless* secara umumnya adalah merujuk kepada seseorang yang pada masa ini tidak bernegara iaitu beliau tidak memiliki kewarganegaraan mana-mana negara di dunia ini. Berdasarkan kepada istilah tersebut, mereka yang berstatus *stateless* tidak sepatutnya ada di Malaysia memandangkan mereka yang tiada negara tidak dibenarkan masuk ke negara ini kerana tiada dokumen perjalanan. Namun begitu, golongan ini telah memasuki Malaysia dengan dokumen perjalanan yang sah atau pendatang asing tanpa izin (PATI) dan mereka dengan sengaja menyembunyikan maklumat tersebut dengan niat untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri Malaysia.

Bagi memastikan agar setiap penduduk yang dilahirkan di Malaysia dapat didaftarkan, Kerajaan melalui JPN telah mengambil langkah proaktif agar setiap penduduk mendapat dokumen pengenalan diri seperti:-

- 1. Program *Outreach* iaitu program turun padang;**

- 2. Program Unit Khas Bergerak (*Mobile Unit*) untuk kemudahan penduduk di kawasan pedalaman; dan**
- 3. Membuka kaunter-kaunter di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).**

Dalam hal ini, pemberian dokumen pengenalan diri tidak membawa maksud penganugerahan kewarganegaraan Malaysia secara automatik. Ini adalah kerana kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia yang tertakluk kepada peruntukan seperti mana di Bahagian III Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan ingin menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab kedua-dua ibu bapa kanak-kanak yang dilahirkan di Malaysia untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan konsulat negara asal ibu kanak-kanak berkenaan melalui kedutaan negara masing-masing. Oleh itu, bagi menggalakkan penyertaan semua pihak, pihak Ahli Yang Berhormat adalah dialu-alukan untuk memanjangkan maklumat sebegini kepada pemohon yang berkelayakan.